

26 FEB 2003

NAM-Berjaya/I

SIDANG KEMUNCIAK BERJAYA, KATA PARA PEMIMPIN NAM

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) berakhir lewat malam tadi dengan para pemimpin yang mewakili pelbagai rantau menyifatkan persidangan selama enam hari itu sebagai sangat berjaya.

Dalam ucapan mereka sebelum persidangan ditutup oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi NAM, para pemimpin berkenaan memuji kemesraan yang ditunjukkan oleh Malaysia serta cara persidangan itu yang dikendalikan dengan amat memuaskan.

Menteri Luar Guyana Samuel Hinds, yang mewakili Amerika Latin dan Caribbean, berkata para anggota delegasinya terpicat dengan keramahan Malaysia.

Bagi menyatakan penghargaan kepada negara dan rakyat Malaysia, Hinds mengungkapkan rasa terima kasihnya dalam Bahasa Malaysia.

"Terima kasih dan selamat berjaya," katanya yang mencuit perhatian para pemimpin yang menghadiri upacara penutup itu serta wakil-wakil media yang mengikuti acara itu secara langsung melalui televisyen litar tertutup di Pusat Media Antarabangsa.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin itu atas penghargaan yang mereka berikan kepada beliau dan Malaysia.

Selepas menyaksikan pertunjukan kebudayaan yang mengagumkan pada jamuan sempena sidang kemuncak itu malam tadi, Hinds berkata beliau mendapati kebudayaan Malaysia yang penuh warna-warni turut melambangkan kepelbagaian dalam pergerakan yang berusia 47 tahun itu.

Presiden Namibia Dr Sam Nujoma berucap mewakili Afrika manakala Wakil Tetap Cyprus di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Soto Zackheos mewakili negara-negara anggota NAM di Eropah.

Perdana Menteri Papua New Guinea Michael Somare menyifatkan sidang kemuncak itu sebagai "sangat berjaya" walaupun terdapat perbezaan pendapat di kalangan negara-negara anggota.

"Penggulungan yang dibuat oleh Perdana Menteri (Dr Mahathir) adalah sangat baik. NAM di bawah kepimpinan Malaysia akan meninggalkan kesan terhadap isu-isu global. Ia telahpun berjaya," katanya.

Somare turut memuji Malaysia kerana dapat menganjurkan persidangan kemuncak itu dengan amat baik.

"Ia telah dianjurkan dengan cukup baik...sememangnya hebat, orangnya baik dan menepati masa," katanya.

Mengulas ucapan penutup Dr Mahathir, Somare berkata beliau bersetuju dengan Dr Mahathir bahawa perpaduan amat penting bagi membolehkan pergerakan itu menghadapi cabaran.

"Dengan adanya NAM, kita dapat bersatu dan saya percaya ia merupakan konsep yang baik bagi menggabungkan negara-negara kecil atau besar untuk memperjuangkan kepentingan bersama rakyat di negara-negara anggota," katanya.

Menteri Luar dan Kerjasama Togo Roland Kpotsra berkata ia merupakan sidang kemuncak yang telah dirancang dengan baik.

"Kami dari Afrika benar-benar menghargai layanan baik yang diberikan oleh kerajaan dan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata amat tepat bagi Dr Mahathir menekankan perpaduan kerana tanpa elemen penting itu, pergerakan berkenaan tidak akan berupaya menghadapi cabaran.

"Sidang kemuncak ini telah menepati jangkaan kita, malah lebih daripada itu. Saya fikir kita perlu terus bersatu," katanya.

-- BERNAMA

JS RV MFJ AZZ